

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1971**

#### **PENUKARAN JENIS TANAMAN DAN JENIS KEGUNAAN ATAS TANAH-TANAH MILIK DI BAWAH SEKSYEN 124 KTN**

Majlis Mesyuarat Kerajaan, di dalam persidangan pada 16hb November, 1969 dan 1hb Ogos 1970 telah menimbang Kertas-kertas Bil 12/422/69 III/(42) dan 14 /566/70 III(9), serta membuat keputusan-keputusan bagaimana yang telah diterangkan di dalam perenggan 1 hingga 4 dibawah ini. Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian di atas kandungan Pengedaran ini.

#### **2. KUASA-KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN**

Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju menurunkan kuasa-kuasanya di bawah sek. 124 K.T.N. kepada mereka-mereka di dalam Ruangan I dengan terhad kepada perkara-perkara yang tersebut di dalam Ruangan II:

#### **RUANGAN I**

#### **RUANGAN II**

- |                               |   |   |
|-------------------------------|---|---|
| (a) Pengarah Tanah dan Galian | - | Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada 'Pertanian' bagi tanah desa yang berpegang dengan Hakmilik Pejabat Pendaftar, sama ada tetap atau sementara. |
| (b) Pemungut Hasil Tanah      | - | Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada 'Pertanian' bagi tanah desa yang berpegang dengan Hakmilik Pejabat Tanah, sama ada tetap atau sementara.     |

### **3. CARA MEMERIKSA DAN MEMBUAT LAPORAN**

- a) Bagi pemohonan dari segi ladang-ladang yang mempunyai pakar pertaniannya sendiri, tidak mustahak mendapatkan Sijil Kesesuaian Tanah daripada Jabatan Pertanian;
- b) Bagi pemohonan dari pekebun-pekebun kecil, tidak mustahak mendapatkan laporan Jabatan Pertanian, melainkan jika difikirkan perlu sahaja; memadai bagi Pemungut Hasil Tanah berpandukan kepada peta ‘Pengkajian Kesesuaian dan Penjenisan Tanah’;
- c) Jenis-jenis tanaman adalah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan bagaimana yang tersebut di dalam Peraturan 9A Kaedah-kaedah Tanah Kelantan, 1966.

### **4. PREMIUM TAMBAHAN KERANA PENUKARAN JENIS KEGUNAAN**

- (i) Penukaran daripada jenis kegunaan yang tersebut di dalam Ruangan I kepada jenis kegunaan yang tersebut di dalam Ruangan II hendaklah dikenakan premium tambahan atas kadar yang telah ditetapkan dalam Ruangan III

<b><u>RUANGAN I</u></b>	<b><u>RUANGAN II</u></b>	<b><u>RUANGAN III</u></b>
-------------------------	--------------------------	---------------------------

(a)	Pertanian	Bangunan Kediaman	Tidak lebih daripada 5% daripada harga tanah itu.
(b)	Pertanian atau Bangunan Kediaman	Bangunan Perniagaan atau Perusahaan	Tidak lebih daripada 10% daripada harga tanah itu

- (ii) Bagi mana-mana tanah yang telah melanggar syarat kegunaan, hendaklah dikenakan premium tambahan dua kali ganda daripada kadar yang tersebut di dalam Ruangan III di atas.
- (iii) Harga tanah yang disebutkan di dalam Ruangan III ialah harga pasaran bagi tanah itu (tidak termasuk bangunan) pada masa pemohonan dibuat.

## **5. TINDAKAN SELEPAS DILULUSKAN**

Apabila kelulusan diperolehi bagi mana-mana permohonan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah menyediakan suatu perintahan (order) bagaimana contoh yang dilampirkan kepada Pengedaran ini. Sekiranya suratan hakmilik yang dikeluarkan (I.D.T) bagi tanah itu tiada dengannya, Pemungut Hasil Tanah hendaklah meminta pemohon menyerahkannya. Pemerintahan yang disediakan itu hendaklah dimasukkan ke dalam fail permohonannya dan diedarkan kepada pendaftar, bersekali dengan I.D.T untuk dibuat catitan. Pemerintahan ini tidak perlu diserahkan (Present) melalui Buku Perserahan dan tiada apa-apa bayaran dikehendaki, Pemungut Hasil Tanah hendaklah melihatkan yang catitan di dalam Daftar Hasil dipinda (jika perlu) mengikut seperti kelulusan yang telah diberikan.

## **6. INGATAN**

- (i) Untuk mengelakkan kesilapan di dalam melaksanakan keputusan di atas, adalah diingatkan bahawa kuasa-kuasa Pengarah Tanah dan Galian dan Pemungut Hasil Tanah Yang diperturunkan oleh Pihak Berkuasa Negeri ialah bagi TANAH-TANAH DESA sahaja atas perkara penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan KEPADА ‘PERTANIAN’. Permohonan-permohonan lain yang tidak termasuk di dalam golongan ini masih lagi berkehendakkan kelulusan M.M.K.

yang boleh dan harus memberi keputusan dengan tidak menurut kandungan Pengedaran.

- (ii) Bagi tiap-tiap permohonan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah terlebih dahulu memungut wang deposit sekadar cukup untuk bayaran premium tambahan dan hasil tahun pertama bagi tanah yang berkenaan.

## **7. PEMBATALAN**

Dengan dikeluarkan Pengedaran ini, Pengedaran-pengedaran Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Kelantan yang berikut dibatalkan:

- (a) Pengedaran Bil. 3 Tahun 1962
- (b) Pengedaran Bil. 7 Tahun 1966 (Perenggan 3 sahaja)
- (c) Pengedaran Bil. 2 Tahun 1969

t.t  
**(Akasah bin H.A. Rahman)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

**KOTA BHARU:** 25HB. JUN, 1970

PTG.112/67/(14)

FAIL :

**PERINTAHAN KERANA PENUKARAN JENIS TANAH/JENIS KEGUNAAN  
TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124, KANUN TANAH NEGARA**

Di atas permintaan tuan tanah bagi tanah yang tersebut di dalam jadual di bawah ini:

- Pihak Berkuasa Negeri, bagaimana Kertas MMK. Bil .....
- Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan
- Pemungut Hasil Tanah

(\* Potong mana-mana yang tak dipakai)

telah meluluskan penukaran jenis tanaman/jenis kegunaan tanah bagi tanah itu, iaitu

daripada ..... kepada .....  
dengan terkena kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Premium tambahan: yang telah dijelaskan bagaimana resit No..... bertarikh.....
- (b) Hasil tahunan:  
(Mulai 19.....)
- (c) Syarat-syarat Khas:

2. Maka dengan ini di PERINTAHKAN supaya jenis tanaman / jenis kegunaan tanah yang tercatit di dalam hakmilik bagi tanah yang dijadualkan di bawah ini, iaitu :-

.....  
dibatalkan dan digantikan dengan jenis tanaman/ jenis kegunaan tanah yang baru iaitu:

.....  
serta dicatitkan juga Syarat-syarat Khas yang tersebut di atas.

Tarikh

T.M.

.....

Pemungut Hasil Tanah

**JADUAL**

Jenis & Nombor Hakmilik:

Lot:

Mukim:

Daerah:

Jajahan:

Keluasan:

Tuan/Tuan-tuan tanah:

PERINTAHAN DIATAS TELAH DICATITKAN DI ATAS HAKMILIK  
YANG BERKENAAN PADA.....

Tarikh:

TM

.....

Pendaftar